

# NUS perkenal program Sarjana Muda Teknologi

TIGA program ijazah sambilan baru dalam analitik perniagaan, keselamatan siber dan kejuruteraan sofwe telah dilancarkan Universiti Nasional Singapura (NUS) di tengah-tengah permintaan semakin meningkat bagi profesional dalam sektor itu.

Program Sarjana Muda Teknologi (BTech) akan ditawarkan secara sambilan mulai Ogos ini oleh Sekolah Pendidikan Berterusan dan Sepanjang Hayat (Scale) dengan kerjasama Sekolah Pengkomputeran di NUS.

Menurut Scale, secara keseluruhan sekitar 160 pelajar dijangka mengikuti ketiga-tiga program itu.

Sekolah itu juga sedang memperkenalkan tujuh kursus sijil siswazah dalam maklumat dan teknologi perhubungan yang boleh memanfaatkan Kredit SkillsFuture.

Ia merangkumi pembelajaran asas dalam pengkomputeran seperti sistem dan pembangunan aplikasi, keselamatan siber, kejuruteraan sofwe, asas analitik perniagaan, analitik perniagaan dan analitik institusi.

NUS menyatakan bahawa program baru itu diperkenal untuk “memenuhi permintaan semakin tinggi bagi profesional dalam analitik data, keselamatan maklumat dan kejuruteraan sofwe di Singapura”, sambil menambah bahawa sedang negara ini maju ke hadapan dalam mencapai objektifnya selaku Negara Bijak, sektor-sektor ini dikenal pasti sebagai pertumbuhan penting bagi memastikan ekonomi lebih produktif dan bersaing.

Dekan Scale, Profesor Wei

Kwok Kee, berkata: “Program BTech direka menjadi relevan kepada industri, yang akan mempersiapkan pelajar dengan kecekapan agar dapat melayari gelombang ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) baru ini dan menaik taraf kerjaya mereka.”

Beliau menambah bahawa Scale telah meluaskan usahanya menyokong gerakan SkillsFuture negara sedang sekolah itu menyambut ulang tahunnya yang pertama.

Program BTech baru itu akan diajar oleh ahli akademik daripada Sekolah Pengkomputeran serta golongan profesional industri.

Kelas akan dijalankan menggabungkan kedua elemen dalam talian dan bersemuka agar dapat memenuhi kehendak golongan dewasa yang bekerja yang perlu mengimbangi masa bekerja dan belajar.

NUS berkata lagi, kurikulum itu memenuhi kedua pelajar yang mempunyai atau tidak mempunyai pengalaman dalam industri IT.

Pelajar boleh memilih mengikuti program BTech untuk membantu mereka membuat peralihan kerjaya daripada sektor bukan IT, manakala fleksibiliti dalam kurikulum bermakna pelajar yang mempunyai pengalaman dalam sektor itu boleh tamat pengajian lebih cepat.

Pendaftaran bagi ketiga-tiga program BTech yang baru serta sijil mahasiswa dalam asas pengkomputeran dibuka semalam sehingga 13 Jun.

Satu sesi pratonton akan diadakan pada 3 Jun di Bandar Universiti NUS.